

## Revolusi Mental Mestilah Berdasarkan Asas, Yang Konkrit

Ucapan Yang Mulia Syed Nasir bin Ismail pengarah “Dewan Bahasa dan Pustaka”, di upacara pembukaan pameran buku yang berlangsung di Melaka pada 19 haribulan Julai 1968 yang lalu.

Kerana memandang isi kandungan ucapan beliau itu sangat penting dijadikan panduan oleh suatu masyarakat baru yang sedang melancarkan “revolusi mental”, maka inilah kita siarkan ucapan beliau itu dengan sepenuhnya.

- Pengarang.

### **Kepentingan Membaca:**

Setelah beliau mengutarakan ucapan terima kasih kepada para hadirin dan menerangkan tujuan pameran buku seperti ini diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, maka beliau berkata: Buku adalah alat yang amat penting di dunia ini untuk mengekalkan manusia tetap mengetahui. Jika orang telah mengetahui sesuatu pada zaman mudanya ia belum tentu mengetahui lagi perkara itu di waktu tuanya. Pengetahuannya di waktu muda dan sudah jadi kabur oleh berbagai-bagai perkembangan dan kemajuan dalam masa ia meningkat tua. Alam fikiran manusia seperti tempayan bocor. Kalau air tidak dibiarkan mengalir terus-menerus ke dalamnya, maka air yang sedia ada di dalamnya itu akan kering.

Janganlah biarkan tempayan bocor kita sampai kering. Isilah terus-menerus. Kalau kita tidak terus menerus membaca buku ertinya kita menutup salah satu dari sumber yang mengisi akal fikiran kita. Kita akan jadi kosong seperti tempayan bocor yang keputusan sumber air. Kita tidak mengetahui lagi. Kita akan jadi beku dan kolot.

### **Memerlukan Revolusi Mental:**

Membaca buku ertinya mengikuti perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan yang juga bererti mengikuti perkembangan dan kemajuan tamadun manusia. Mengapa orang sekarang memerlukan revolusi mental? Ialah kerana adanya fikiran anggota masyarakat kita yang kaku, beku dan statik. Fikiran yang sudah kolot, tidak berkembang sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan zaman ini. Fikiran yang kaku, beku, statik dan kolot ini menghalang kegiatan-kegiatan yang mesti dinamik untuk memenuhi tugas-tugas hidup dalam dunia yang moden dan progresif ini.

Kalau kita ingin mengetahui mengapa anggota masyarakat kurang dinamik, lebih statik; kurang aktif, lebih pasif; maka jawabnya ialah kerana masyarakat kita lebih bersenang-senang dan bersuka-suka dari berfikir dan bekerja. Masyarakat kita lebih menari dari membaca, lebih minum-minum dari merancang dan berkira bicara. Mereka yang lemah tidak dapat dibantu oleh yang kuat. Mereka yang miskin di kampung-kampung tidak dapat ditolong dan tidak mahu pula menolong diri mereka. Sebabnya ialah kerana kebanyakan anggota masyarakat kita sudah mula beku dan kolot, tidak mengisi

akal fikiran dengan sumber-sumber ilmu pengetahuan yang baharu. Tempayan bocor kita sudah hampir kering-kerontang.

Kita mahukan angkatan baharu zaman kita ini bekerja kuat berusaha untuk berdiri di atas kaki sendiri. Tetapi nilai-nilai hidup kita masih nilai-nilai lama; menyerah kepada takdir dan suka berdiri di atas belas kasihan orang lain. Jika orang mengugut hendak hartal satu hari kita rasa nyawa kita sudah tercabut. Apakah gunanya kerajaan kita berbelanja ratusan juta untuk memajukan kehidupan rakyat kalau seluruh masyarakat bergantung pada tukang-tukang jual sayur di pasar?

Revolusi mental bukanlah hanya menyuruh orang mengubah cara berfikir. Orang tidak boleh berubah cara berfikirnya dengan tidak ada perubahan-perubahan nilai hidup secara umum. Nilai-nilai ini tidak tumbuh atau berubah serta-merta. Fikiran yang berubah serta-merta ialah akal. Tuan-tuan tentu tahu apa ertinya ungkapan “berubah akal” dalam bahasa Melayu. Kalau gerakan revolusi mental bertujuan untuk menyuruh orang mengubah cara berfikir supaya segala pemberian kerajaan kepada orang kampung dapat

## Revolusi Mental...

memberi faedah maka propaganda dan kursus yang mengharapkan hasil serta-merta tidak akan berhasil.

Dan saya khuatir perubahan cara berfikir yang dipaksa akan menyebabkan banyak orang berubah akal.

### Islam Agama Yang Aktif:

Rakyat mestilah dididik secara sistematik. Pertama-tama, nilai-nilai lama, hasil dari pengetahuan dan kebudayaan lama haruslah dilunturkan dengan mengemukakan nilai-nilai baharu yang moden dan progresif. Amalan hidup yang didasarkan pada nilai-nilai agama yang salah dan bertentangan dengan nilai-nilai ilmu pengetahuan hendaklah dihapuskan dengan memberikan ilmu pengetahuan **secara pendidikan, bukan secara pelajaran**, kepada rakyat.

Nilai-nilai agama yang dianut oleh masyarakat kita ialah nilai-nilai yang pasif yang menganjurkan sifat menyerah dan meminta belas kasihan.

Nilai-nilai seperti ini bertentangan dengan ajaran agama Islam yang sebenarnya.

Sebab agama Islam ialah agama akal, agama yang aktif untuk memimpin kehidupan dunia di samping menyediakan bekalan untuk kehidupan akhirat.

Nabi Muhammad (S.A.W) lahir ke dunia untuk berjuang. Ia berjuang menghapuskan kekolotan, menghapuskan nilai-nilai Jahiliyah yang menyerah kepada nasib, menyerah pada patung-patung batu atau kayu. Ia menyuruh manusia bekerja dan bertafakur, bukan bekerja sahaja. Ia tidak membuatkan jalan raya untuk memudahkan hidup umatnya tetapi ia memberikan ajaran untuk umatnya

menegerti pentingnya sesuatu untuk hidup dan memberikan semangat untuk umatnya berjuang mengadakan kepentingan-kepentingan itu.

Revolusi mental memang sangat diperlukan oleh masyarakat kita. Tetapi kita hendaklah faham benar-benar bahawa revolusi mental tidak akan berjaya kalau apa yang kita katakan revolusi itu ialah kegiatan-kegiatan propaganda dan kursus sahaja. Propaganda, kursus, seminar atau apa sahaja yang bertujuan untuk mengubah cara berfikir manusia mestilah berdasarkan asas-asas yang konkrit.

### Asas Cara Barat Berfikir:

Asas yang konkrit dalam perubahan cara berfikir ialah pengetahuan nilai-nilai terhadap unsur-unsur kebudayaan dan kehidupan seluruhnya. *Renaissance* di Barat timbul kerana penentangan kepada nilai-nilai agama orang Barat yang bertentangan dengan nilai-nilai ilmu. Dan sekarang bagi orang Barat hanya menjadi salut sahaja kepada nilai-nilai ilmu. Nilai ilmiah yang menjadi asas cara berfikir Barat.

Tetapi Muhammad Abduh dan Jamaluddin Afghani telah *mereform* pemikiran orang Islam dan menimbulkan semula asas cara berfikir yang moden di dunia Islam, yaitu pemeliharaan nilai-nilai agama yang berdasarkan ilmu, kerana agama Islam itu sebenarnya ialah agama pengetahuan bukan agama taksuf yang pasif.

Setakat ini saya masih tertanya-tanya: Apakah asas-asas cara berfikir yang dikemukakan dan diperjuangkan oleh revolusi

mental kita? Nilai-nilai Islam modenkah atau nilai Barat semata-mata?

Perkara yang *basic* ini mempengaruhi cara kita mengadakan kegiatan-kegiatan dalam gerakan revolusi mental masyarakat kita. Dan cara-cara itu mempengaruhi pula hasil yang akan kita capai. Jika *basic* atau asasnya tidak ada saya khuatir kita tidak akan sampai ke mana-mana atau mencapai sesuatu yang tidak kita idamkan.

Jika kita menghargai dan memahami hakikat sejarah kebudayaan dan cara hidup bangsa kita maka kita tidak dapat menolak dan menghapuskan agama Islam sebagai asas cara berfikir kita. Jika kita mendapati bahawa amalan Islam dalam kalangan masyarakat kita penuh dengan kekolotan maka revolusi kita ialah revolusi fikiran secara yang telah diperjuangkan oleh Muhammad Abduh dan Jamaluddin Afghani dan pengikut-pengikutnya di seluruh dunia. Tetapi kalau kita hendak mengikut cara *Renaissance* Barat tak dapat tidak kita akan berjuang meletakkan nilai-nilai ilmu semata-mata dan agama tinggal menjadi upacara-upacara kosong sahaja. Ini boleh berlaku di Barat sebab agama yang berpengaruh di Barat ialah agama yang menentang ilmu.

### Revolusi mental dan hubungan dengan buku:

Saya bercakap tentang revolusi mental ini sebab ada hubungannya yang rapat dengan buku yang menjadi alat utama untuk menjadikan manusia tetap mengetahui. Revolusi mental atau apa sahaja gerakan ke arah

## Revolusi Mental...

kemajuan mestilah disertai dengan ilmu pengetahuan, bukan dengan ikutan-ikutan sahaja. Tidaklah cukup kalau kita pada umur 22 tahun telah menerima ijazah universiti kemudian kita memutuskan hubungan dengan buku hingga berumur 50 tahun. Dalam masa 28 tahun itu ilmu manusia telah berkembang maju dan kita yang bejijazah tetapi tidak mengikuti perkembangan ilmu itu terus-menerus pastilah tertinggal di belakang zaman hingga menjadi kolot.

Orang-orang yang kolot tidak akan berjaya merubah cara berfikirnya, jauh sekali daripada hendak memimpin perubahan cara berfikir atau zaman yang lebih maju.

Seterusnya beliau berkata:

Orang yang kurang berpelajaran di kampung-kampung mestilah terus berhubung dengan kemajuan dan kerana itu

mestilah membaca, sama seperti orang yang bernasib baik telah menerima pelajaran, bukan sampai mendapat ijazah, tetap mesti berhubungan dengan kemajuan tamadun dan ilmu pengetahuan memalui buku.

### Rancangan Pembacaan Perlu:

Jika kita hendakkan seluruh masyarakat kita maju dalam lapangan masing-masing mengikut kesanggupan dan kemampuan masing-masing dan lebih-lebih lagi kalau kita ingin masyarakat kita mengubah cara berfikirnya dari kekolotan kepada kemajuan maka masyarakat itu mestilah diberi kesempatan membaca buku. Malangnya rancangan-rancangan kemajuan untuk orang miskin terutama orang di kampung tidak pernah disertai dengan rancangan pembacaan. Orang yang buta huruf diajar membaca dan menulis tetapi lepas itu tidak ada galakan untuk mereka membaca.


Saya suka menganjurkan supaya rancangan kemajuan kampung dan

kemajuan buruh hendaklah disertakan dengan rancangan pembacaan.

Hendaklah ada satu rancangan yang sistematik untuk menjadikan orang kampung dan kaum buruh suka membaca dan ada kemudahan untuk mendapat buku yang patut mereka baca. Rancangan ini tentulah mesti serentak berjalan dengan rancangan jalan raya, rancangan telefon, rancangan air paip, rancangan bertanam padi dua kali setahun, rancangan balai raya, rancangan surau atau masjid, rancangan pemasaran, rancangan syarikat kerjasama dan lain-lain yang sedang berjalan sekarang.

Jika pada suatu masa kelak rakyat jelata kita telah memperoleh pendapatan hidup \$300 sebulan janganlah hendaklah makin banyak panggung wayang tetapi tidak ada taman bacaan atau perpustakaan, makin banyak skuter tetapi tidak ada rak buku di rumah, makan banyak joget tetapi kurang membaca dan berfikir. Kalau ini terjadi revolusi mental pastilah tidak jaya.

Saya harap pameran-pameran buku yang diadakan dari semasa ke semasa akan mengingatkan khalayak ramai kepada pentingnya buku dalam zaman kemajuan ini dan di atas dari semuanya itu harapan saya yang terbesar ialah supaya kesedaran orang ramai terhadap pentingnya buku akan menimbulkan satu macam desakan untuk pihak yang berkuasa memenuhi kesedaran rakyat itu.



Perarakan menyambut hari keputeraan Nabi Muhammad (S.A.W) dimulai dari Stadium Merdeka – Kuala Lumpur pada 8 Jun 1968 yang lalu.